

## MEMBAWA KLMUC DAN KOLEJ COSMOPPOINT KE PUNCAK TERTINGGI

KLMUC dan Kolej Cosmopoint meraikan Majlis Konvokesyen 2016

**Shah Alam, 23 Julai 2016-** Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint, menganjurkan Majlis Konvokesyen mereka yang ke-8 dan ke-21 di Pusat Konvensyen Setia City. Kedua-dua institusi ini di bawah naungan peneraju pendidikan, Cosmopoint Sdn Bhd.

Satu perasaan bangga wujud apabila 1,159 pelajar dari KLMUC dan 1,146 pelajar dari Kolej Cosmopoint menerima skrol masing-masing. Pelajar-pelajar ini adalah graduan dari pelbagai fakulti seperti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan, Pengurusan & Teknologi Perniagaan, Kejuruteraan & Aplikasi Teknologi, Pengajian Media, dan Senireka & Kreativiti. Majlis ini disambut dengan bangganya di kalangan semua kakitangan KLMUC dan Kolej Cosmopoint, dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn Bhd merangkap Naib Canselor KLMUC, Mohamad Kamal Nawawi.

Menurut Kamal, “Ketika Kolej Cosmopoint dan KLMUC masing-masing menyambut ulangtahun mereka yang ke-25 dan yang ke-10, kejayaan para pelajar kami telah membuktikan sejauh mana institusi kami telah melangkah ke hadapan. Bagi KLMUC, kami telah berkembang dengan menawarkan lebih daripada 45 program di dalam peringkat Asasi, Diploma, Ijazah dan Ijazah Sarjana. Dalam pada itu, bagi Kolej Cosmopoint kami mempunyai 11 kampus seluruh negeri dan sejak 25 tahun yang lalu, kami telah menghasilkan lebih 100,000 graduan yang berjaya”

Di antara pelajar-pelajar yang telah berjaya di dalam bidang masing-masing adalah Muhammad Zahin Aiman, dari Fakulti Pengurusan & Teknologi Perniagaan yang memegang Ijazah dalam Perniagaan & Pembangunan Keusahawanan telah berjaya memperolehi CGPA yang cemerlang iaitu 3.99, manakala Che Nur Ikhwan Afif Bin Nasarudiin dari Fakulti Pengajian Media yang memegang Diploma Kewartawanan telah Berjaya mendapat CGPA 3.97. Kedua-dua graduan merangkul Anugerah Naib Canselor bagi pelajar terbaik.

“Saya sangat teruja hingga tidak berkata menerima Anugerah Naib Canselor ini. Di KLMUC, saya diajar melalui “Aplikasi Dunia Nyata” yang mana kegigihan, kerja keras dan dedikasi adalah kunci kejayaan,” ujar Muhammad Zahin.

Che Nur Ikhwan dengan penuh semangat menyatakan, “Dedikasi pensyarah-pensyarah KLMUC dan kakitangannya sangat menyumbang ke arah kejayaan saya. Di sini, pensyarah-pensyarah bukan sahaja mengajar di atas kertas semata tetapi pengalaman pengajaran kami lebih tertumpu kepada senario dunia pekerjaan yang sebenar dan saya kini lebih bersedia untuk dunia profesional di luar sana.

Falsafah KLMUC boleh menyumbang kepada kadar kejayaan yang tinggi bagi para pelajar. Melalui “Aplikasi Dunia Nyata”, pelajar diberi peluang untuk meneroka laluan untuk kejayaan profesional. KLMUC sendiri turut merasa bangga dengan usaha berterusan dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi kehendak pelajar dan program akademik ini dibangunkan melalui konsultasi yang rapat dengan rakan dagangan dan industri, sektor awam dan golongan profesional.

“Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan kita yang telah berjaya kerana usaha keras dan keazaman mereka, kita semakin berkembang, dan bersama-sama membawa KLMUC hingga ke puncak tertinggi”, ujar Kamal lagi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah alumni KLMUC yang sedang berjinak dalam dunia fesyen dan masakan. Salah seorangnya ialah Masrina Munir, yang mula menempah nama dalam bidang fesyen sebagai pereka bebas dengan jenamanya yang tersendiri, MASRINA MUNIR. Muhammad Afifi pula merupakan bakat muda yang mula digilap dalam bidang masakan, dan beliau telah memenangi hadiah pertama di dalam Pertandingan “Cookout Chef Adu” pada tahun 2015.

KLMUC juga menawarkan biasiswa Karang kraf kepada pelajar yang berkelayakan, pemohon hendaklah berumur 25 tahun ke bawah dan mencapai minima CGPA 2.5 pada setiap semester. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang biasiswa sila layari <http://www.karangkraf.com/dana>, atau tentang program-program di KLMUC dan Kolej Cosmopoint, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my), dan [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my).

### **Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 50 program di bawah 6 fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)

### **Mengenai Kolej Cosmopoint**

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulineri dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

### **Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.



Untuk sebarang pertanyaan media:

Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Pemasaran & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Pemasaran & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my